

# SOLUWAX EAR DROPS

Docusate Sodium (0.5% w/v)

## Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan Soluwax Ear Drops
2. Bagaimana Soluwax Ear Drops berfungsi
3. Sebelum mengambil Soluwax Ear Drops
4. Cara menggunakan Soluwax Ear Drops
5. Semasa menggunakan Soluwax Ear Drops
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan Soluwax Ear Drops
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemaskini RiMUP

Risalah ini menjawab beberapa soalan lazim tentang Soluwax Ear Drops. Ia tidak mengandungi semua maklumat yang tersedia. Ia juga tidak menggantikan tempat ahli farmasi atau doktor anda.

Semua ubat mempunyai risiko dan manfaat. Ahli farmasi atau doktor anda telah mempertimbangkan risiko anda mengambil Soluwax Ear Drops berbanding manfaat yang mereka jangka untuk anda.

**Jika anda mempunyai sebarang kemusykilan tentang pengambilan ubat ini, tanya ahli farmasi atau doktor anda.**

**Simpan risalah ini bersama ubat.** Anda mungkin perlu membacanya lagi.

## Apakah kegunaan Soluwax Ear Drops

Soluwax Ear Drops digunakan untuk melembutkan tahi telinga di dalam telinga.

## Bagaimana Soluwax Ear Drops berfungsi

Soluwax Ear Drops mengandungi bahan aktif *Docusate Sodium* 0.5% w/v.

*Docusate Sodium* ialah agen bertindak permukaan anion dan dengan demikian menembusi ke dalam tahi telinga untuk melembutkannya dan memudahkan pengeluaran tahi telinga.

Tanya ahli farmasi atau doktor anda sekiranya anda mempunyai sebarang pertanyaan tentang ubat ini.

## Sebelum menggunakan Soluwax Ear Drops

### - Bila tidak boleh mengambil

Jangan mengambil Soluwax Ear Drops sekiranya:

- Anda alah (hipersensitif) kepada *Docusate Sodium* atau kepada apa-apa bahan lain di dalam ubat ini.
- Anda mengalami gegandang telinga telah dilubangi timbul perengsaan telinga yang dirasai berterusan.

### - Sebelum mula menggunakan

Maklumkan ahli farmasi atau doktor anda:

- Jika anda alah (hipersensitif) kepada *Docusate Sodium* atau kepada apa-apa bahan lain di dalam ubat ini.
- Anda mengalami gegandang telinga telah dilubangi timbul perengsaan telinga yang dirasai berterusan.

Kehamilan dan penyusuan badan:

- *Docusate Sodium* diserap daripada saluran gastrousus selepas ditelan dan terdapat perkumuhan hempedu yang ketara. Ia juga dikumuhkan didalam susi ibu.
- Tanya doktor atau ahli farmasi anda untuk mendapatkan nasihat sebelum penggunaan ubat ini sekiranya anda hamil atau menyusu badan.

### - Jika mengambil ubat-ubat lain

Maklumkan ahli farmasi atau doktor anda sekiranya anda sedang menggunakan apa-apa produk lain (misalnya ubat yang dibeli tanpa preskripsi doktor, ubat yang dipreskripsikan dan produk-produk herba).

## Cara menggunakan Soluwax Ear Drops

### - Berapa banyak harus digunakan

Dengan kepala disengetkan, titiskan ke dalam telinga yang terjejas dengan Soluwax Ear Drops (kira-kira 10 titis) selama dua malam berturut-turut.

### - Bila perlu digunakan

Gunakan Soluwax Ear Drops jika anda mengalami tahi telinga yang keras and berlebihan.

### - Berapa lama perlu digunakan

Gunakan Soluwax Ear Drops selama dua malam berturut-turut. Tetapkan kedudukan kepala pada kedudukan ini selama 4-5 minit. Tahi telinga sepatutnya menjadi mudah untuk disingkirkan secara pembersihan biasa. Jika tahi telinga masih atau jika gejala berterusan, sila dapatkan nasihat doctor atau ahli farmasi anda.

### - Jika terlupa menggunakan

Gunakan dos yang terlepas sebaik sahaja anda mengingatinya.

Jika ia menghampiri waktu untuk dos anda yang berikutnya, langkau dos yang terlepas dan gunakan ubat pada waktu berjadual tetap yang berikutnya.

Jangan menggandakan penggunaan dos untuk menggantikan dos yang ketinggalan.

- Jika menggunakan secara berlebihan (terlebih dos)

Rawatan selepas tertelan secara tidak sengaja adalah semata-mata mengikut gejala yang timbul. Pelega kesakitan untuk sakit kejang dan ubat loya untuk merawat loya.

Jika anda menggunakan terlalu banyak ubat ini, rujuk kepada doktor atau ahli farmasi anda. Bawa sebarang baki ubat bersama anda.

**Semasa menggunakan Soluwax Ear Drops**

- Perkara yang perlu dilakukan

Jika anda bersedia untuk memulakan pengambilan ubat baru yang lain, maklumkan ahli farmasi atau doktor anda yang anda sedang mengambil Soluwax Ear Drops.

- Perkara yang tidak boleh dilakukan

Jangan gunakan sediaan ini jika gegandang telinga telah dilubangi. Hentikan penggunaannya jika timbul perengsaan telinga ataupun dirasai berterusan.

Jangan menggunakan lebih daripada dos yang disyorkan melainkan dibenarkan oleh doktor anda.

- Perkara yang perlu diberi perhatian

Jangan gunakan sediaan ini pada pesakit yang diketahui hipersensitif terhadap *Docusate Sodium*. *Docusate Sodium* tidak boleh digunakan jika gegandang telinga telah berlubang. Hentikan penggunaannya jika mengalami apa-apa kesakitan.

**Kesan-kesan sampingan**

Semua ubat mempunyai risiko dan manfaat. Ahli farmasi atau doktor anda telah mempertimbangkan risiko anda menggunakan Soluwax Ear Drops berbanding manfaat yang mereka jangka untuk anda.

Soluwax Ear Drops boleh mendatangkan kesan sampingan yang tidak diinginkan pada segelintir orang. Semua ubat boleh mendatangkan kesan sampingan. Kadang kala ia serius, walau bagaimanapun, kebiasaannya ia tidak serius.

Kesan sampingan berkemungkinan yang berkaitan dengan rawatan jarang dilaporkan: kulit yang sensitif, sakit atau mual/ loya.

Hentikan penggunaan ubat ini sekiranya anda mengalami: kulit yang sensitif, sakit atau mual/ loya.

Jika anda mengalami mana-mana kesan sampingan ini, walaupun yang tidak dinyatakan di dalam risalah ini, maklumkan doktor atau ahli farmasi anda.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat terus kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui No. Tel: 03-78835550, atau laman web [npra.moh.gov.my](http://npra.moh.gov.my) (*Public → Reporting Medicinal Problems / Side Effects / AEFI / Vaccine Safety.*)

**Cara penyimpanan dan pelupusan Soluwax Ear Drops**

- Penyimpanan

**Simpan di bawah suhu 30°C. Pastikan simpanan bekas betul-betul ditutup. Lindungi daripada cahaya terik. Simpan jauh daripada jangkauan kanak-kanak.**

- Pelupusan

Lupuskan ubat selepas tarikh luput. Jangan buang ubat ke dalam saluran air. Sila dapatkan nasihat ahli farmasi tentang cara pelupusan sebarang ubat yang tidak digunakan lagi.

**Maklumat lanjut**

- Rupa dan warna Soluwax Ear Drops

Soluwax Ear Drops adalah di dalam larutan jernih, boleh didapati dalam 10ml (dengan penitis) dan 100ml.

- Bahan-bahan kandungan

Bahan-bahan aktif:  
Docusate Sodium 0.5% w/v

Bahan-bahan tidak aktif:  
Air Tulin, Glycerin dan Methyl Paraben.

- Nombor MAL: MAL19911464X

**Pengilang**

HOE Pharmaceuticals Sdn. Bhd.  
Lot 10, Jalan Sultan Mohamed 6,  
Bandar Sultan Suleiman,  
42000 Port Klang, Selangor,  
Malaysia.

**Pemegang Pendaftaran Produk**

HOE Pharmaceuticals Sdn. Bhd.  
Lot 10, Jalan Sultan Mohamed 6,  
Bandar Sultan Suleiman,  
42000 Port Klang, Selangor,  
Malaysia.

**Tarikh kemaskini RiMUP**

22/06/2017

**Nombor Siri**

BPFK(R4/1)22062017/00153